



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545
Faks : 603-8889 5542
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA

Bagi Minggu 11/2012 (11 hingga 17 Mac 2012)

Pada minggu ke sebelas tahun 2012 iaitu bagi tempoh 11 hingga 17 Mac, sejumlah 480 kes demam Denggi dengan satu (1) kematian dilaporkan berbanding 504 kes dan tiada kematian pada minggu sebelumnya (Lampiran A). Sebanyak lima (5) negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Melaka meningkat sebanyak 9 kes (90%), Terengganu 8 kes (89%), WP Kuala Lumpur & Putrajaya 5 kes (10%), Kedah 2 kes (20%) dan WP Labuan 1 kes (100%).

Pada tahun 2012, bermula dari 1 Januari hingga 17 Mac, sebanyak 5,664 kes dilaporkan, meningkat sebanyak 927 kes atau 20% berbanding 4,737 kes bagi tempoh yang sama tahun 2011. Pada tempoh yang sama juga, sebanyak 17 kematian akibat demam Denggi dilaporkan berbanding hanya 8 kematian pada tahun 2011.

Pada minggu ke sebelas, satu (1) kematian demam Denggi dilaporkan dari Selangor melibatkan seorang lelaki berusia 44 tahun yang bertugas sebagai kerani di sebuah syarikat swasta. Beliau telah mendapatkan rawatan di sebuah klinik swasta sebanyak tiga kali berturut-turut sebelum dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang dan dirujuk ke Unit Rawatan Rapi (ICU) untuk rawatan lanjut.

Beliau walau bagaimanapun meninggal dunia setelah dirawat selama dua hari di hospital berkenaan akibat komplikasi *Dengue Shock Syndrome*. Hasil pemeriksaan di tempat kediaman pesakit menjumpai pembiakan Aedes di dalam tayar, baldi dan bekas plastik yang terbuang di sekitar kawasan. Penduduk setempat telah berpakat untuk mengadakan aktiviti gotong-royong bagi membersihkan kawasan persekitaran mereka bagi menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes. Penduduk setempat menyedari bahawa jika tiada langkah proaktif diambil bagi membersihkan kawasan mereka, tidak mustahil kematian akibat demam Denggi boleh berulang selagi punca kepada pembiakan nyamuk Aedes tidak dimusnahkan.

Sejumlah 99 lokaliti daripada 20 daerah mengalami wabak pada minggu lepas berbanding pada minggu sebelumnya (115 lokaliti) dan 3 daripadanya adalah lokaliti *hotspot* iaitu PPR Pantai Ria di zon Klang Lama, WP Kuala Lumpur manakala PJU 5 Seksyen 4 Gugusan Semarak di daerah Petaling dan T.S Jln Dato Dagang 21-30 di daerah Klang, Selangor. Sementara itu, sebanyak 84,631 premis telah diperiksa dengan 1,300 premis didapati terdapat pembiakan Aedes di seluruh negara.

Orang ramai digesa supaya terus menjaga kebersihan kawasan persekitaran rumah kediaman masing-masing. Aktiviti promosi kesihatan terus ditingkatkan. Disepanjang minggu ke sebelas, sebanyak 47 gotong royong, 99 ceramah, 17,078 risalah telah diedar dan 519 poster telah tampal di tempat-tempat strategik. Di samping itu sebanyak 312 media luar dipasang serta 4,428 perbincangan kumpulan kecil telah dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai bahaya Denggi. Bagi menyampaikan mesej dan menggerakkan masyarakat dalam mengambil tindakan mencegah penyakit Denggi, peranan ini turut dilaksanakan oleh Duta Sihat

1Malaysia yang terdiri daripada selebriti terkenal tanah air iaitu Aznil Haji Nawawi, Phobe Yap dan Uthayakumar. Sehingga kini sebanyak empat (4) aktiviti turun padang telah dilaksanakan oleh Duta Sihat 1Malaysia ini iaitu di Taman Gembira dan Metropolitan Park di zon Kepong, Taman Tasik Shah Alam di daerah Shah Alam dan Presint 14, Putrajaya.

DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

19 Mac 2012

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 11/2012
(11 hingga 17 Mac 2012)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 11/2012	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 11/2011
		Minggu 11 (11 – 17 Mac 2012)	Minggu 10 (4 – 10 Mac 2012)		
1	Perlis	7	9	49	19
2	Kedah	12	10	161 (1)	121
3	P. Pinang	18	22	209 (1)	401 (1)
4	Perak	26	41	409 (1)	305
5	Selangor	208 (1)	219	2,557 (9)	1,648 (1)
6	WPKL & Putrajaya	56	51	571 (3)	331
7	N. Sembilan	8	9	98 (1)	148
8	Melaka	19	10	171	130
9	Johor	31	35	362	512 (4)
10	Pahang	8	15	173	271 (1)
11	Terengganu	17	9	219	229 (1)
12	Kelantan	37	38	342	186
13	Sarawak	21	25	225	296
14	Sabah	11	11	113 (1)	136
15	WP Labuan	1	0	5	4
	MALAYSIA	480 (1)	504	5,664 (17)	4,737 (8)

Nota: () Kematian

Lampiran B

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU
11 BAGI TAHUN 2012**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	WPKL	Klang Lama	PPR Pantai Ria	9	45
2	Selangor	Petaling	PJU 5 Seksyen 4 Gugusan Semarak	6	44
3	Selangor	Klang	T.S Jln Dato Dagang 21-30	6	31

